

Newspaper	Berita Harian
Date	1 November 2015



Najib diiringi Musa bersalaman dengan orang ramai ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, malam tadi. (FOTO EDMUND SAMUNTING/BH)

BH-1/11/2015

Lahirkan lebih ramai intelektual Melayu: PM

» *Kemahiran pelbagai bidang mampu perkasa agenda ekonomi Bumiputera*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata agenda pemerkasaan ekonomi Melayu dan kaum Bumiputera lain hanya

akan tercapai sekiranya negara dapat melahirkan golongan intelektual yang berkebolehan dan berbakat mencakupi pelbagai bidang dan kemahiran.

Sehubungan itu Perdana Menteri berkata, bantuan pembiayaan pendidikan harus diketengahkan dengan lebih aktif, agar setiap anak Melayu dan Bumiputera berupaya menjadi golongan intelektual, profesional dan berke-trampilan, dalam usaha memacu pembangunan negara.

Beliau berkata, hingga kini, kerajaan berjaya meningkatkan jumlah tenaga profesional Melayu dan Bumiputera, menerusi skim latihan dan pendidikan tinggi sehingga peratusan menjangkau 40

“Pelbagai pihak seharusnya membantu dengan memberikan biasiswa atau pinjaman pendidikan, kepada pelajar, supaya lebih ramai cendekiawan dalam kalangan Melayu dan Bumiputera dapat kita lahirkan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

peratus hingga 50 peratus dalam pelbagai bidang profesional.

“Ini termasuk doktor perubatan, jurutera, arkitek dan peguam. Usaha ini, hendaklah diteruskan dalam semua lapangan pekerjaan. Nampaknya, peratusan ini menunjukkan betapa ramai pelajar Melayu dan Bumiputera berkelayakan, untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Biaya pengajian

“Justeru, pelbagai pihak seharusnya membantu dengan memberikan biasiswa atau pinjaman pendidikan, kepada pelajar, supaya lebih ramai cendekiawan dalam kalangan Melayu dan Bumiputera dapat kita lahirkan,” katanya ketika melancarkan Tabung Pendidikan Yayasan Minda di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam tadi.

Beliau berkata atas dasar itu, penubuhan tabung pendidikan berkenaan dilihat sebagai medium untuk menyediakan bantuan dan sumbangan berbentuk kewangan serta dana, bagi me-

lahirkan masyarakat berilmu dan progresif.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh. Turut hadir, Pengerusi Yayasan Minda, Prof Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah.

Yayasan Minda adalah badan amal yang bertanggungjawab untuk meningkatkan taraf pendidikan Melayu dan Bumiputera lain di negara ini.

Hab Pendidikan Dunia Najib berkata, penubuhan yayasan itu akan membantu merealisasikan Malaysia sebagai Hab Pendidikan Dunia menerusi galakan pembelajaran kepada orang Melayu dan Bumiputera ke peringkat yang lebih tinggi.

Katanya, hasrat murni penubuhan Yayasan Minda adalah untuk memelihara kelangsungan pendidikan tinggi Melayu dan Bumiputera dengan penubuhannya diharapkan dapat menyuburkan dan mengembangkan nilai ketokohan, integriti, intelek serta kredibiliti Melayu dan Bumiputera.

Beliau berkata, usaha itu tidak seharusnya diserahkan sepenuhnya kepada pihak kerajaan semata-mata, sebaliknya syarikat berkaitan kerعاan (GLC) dan badan lain perlu turut sama terbabat dalam memberikan bantuan dan sokongan bagi merajayakan usaha dicetuskan Yayasan Minda.

“Kita tahu, kita perlu berani berpecah dengan kebenaran, bagi mempertaruhkan jiwa dan raga, demi mempertahankan maruah dan kelangsungan bangsa Melayu dan Bumiputera di bumi Malaysia bertuah ini,” katanya.

Sementara itu, Nsyib malam tadi tiba di Kota Kinabalu bagi merasmikan Persidangan Tri-Tahunan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) hari ini.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu disambut Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman serta kepimpinan kerajaan negeri dan Barisan Nasional (BN) Sabah.